

15 OCT 2001

Hishammuddin-Antraks

PEMUDA UMNO DAKWA KENYATAAN AMERIKA MENGENAI ANTRAKS CETEK

KUALA LUMPUR, 15 Okt (Bernama) -- Pemuda Umno hari ini menggesa media barat agar tidak gembar-gemburkan isu surat yang didakwa mengandungi bakteria berbahaya antraks yang dikatakan dihantar dari Malaysia ke Amerika Syarikat sehingga boleh memburukkan imej dan reputasi Malaysia.

Ketua Pemuda Umno Datuk Hishammuddin Hussein berkata, Pemuda Umno berharap media barat, khususnya CNN, tidak memperbesarkannya dengan tujuan mengalih pandangan dunia terhadap serangan Amerika di Afghanistan.

Sebarang laporan berat sebelah boleh mengelirukan persepsi masyarakat antarabangsa terhadap Malaysia yang sememangnya "terbukti sebagai sebuah negara aman, tenteram dan harmoni," katanya dalam satu kenyataan yang dikeluarkan pergerakan itu hari ini.

Laporan dari Amerika menyebut para pegawai mengesahkan ujian yang dilakukan terhadap surat itu menunjukkan keputusan positif terhadap kehadiran bakteria itu.

Hishammuddin kini berada di Jepun dalam rangka lawatan lapan hari mulai 10 Okt lepas atas jemputan kerajaan negara itu.

"Pendirian Malaysia terhadap tindakan Amerika adalah amat jelas, iaitu serangan terhadap Afghanistan tidak akan menyelesaikan sebarang masalah keganasan," katanya.

Sementara di Jepun, Hishammuddin mengadakan pertemuan dengan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri Takeo Hiranuma, Naib Menteri Luar Kanan Seiken Sugiura, Pengerusi Persatuan Parlimen LDP bagi promosi Sukan Bermotor Seishiro Eto, Naib Menteri Ekonomi Perdagangan dan Industri Keiji Furuya dan pemangku Setiausaha Agung parti LDP Nobutaka Machimura.

Dalam perkembangan lain, Hishammuddin turut mengatakan kebanggaan Pemuda atas perlantikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai ketua bagi usaha menangani keganasan oleh Pertubuhan Persidangan Islam (OIC).

"Pemuda Umno amat berkeyakinan bahawa beliau (Dr Mahathir) mampu memikul dan melaksanakan tugas serta tanggungjawab yang diberikan, dan kita tahu bahawa beliau (Dr Mahathir) amat dihormati bukan sahaja oleh pemimpin negara-negara Islam malah oleh pemimpin seluruh dunia," katanya.

Hishammuddin berkata: "Ia jelas diterjemahkan dalam perjumpaan bersama pemimpin-pemimpin di Jepun, dengan YAB Perdana Menteri bukan sahaja mampu menguruskan pembangunan negara tetapi dapat menerangkan kedudukan serta imej Islam yang sebenarnya."

-- BERNAMA

HK AHH PR